

C N S 3 1 0 4
U GB 06-10 00239 BB863

bah

MAHATHIR PUAS HATI UTUSAN MINTA MAAF

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk, Seri' Dr Mahathir Mohamad berkata beliau puas hati dengan langkah Kumpulan Utusan Melayu meminta, maaf secara terbuka kepadanya berhubung isu bahasa.

+Saya tidak susah... saya boleh maafkan pada bila-bila masa,+ katanya pada pemberita di Lapangan Terbang TUDM di sini hari ini sekembalinya dari lawatan empat hari ke Brunei untuk menghadiri sambutan Perayaan Jubli Perak Sultan Brunei menaiki takhta.

Pada 17 Sept, Utusan Malaysia menyiarkan berita kononnya. Dr Mahathir meminta stesen televisyen swasta, Rajawali Citra Televisi Indonesia (RCTI) mewawancaranya dalam bahasa Inggeris sewaktu Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di Jakarta awal bulan lepas, sedangkan stesen itu sendiri yang meminta ia dibuat dalam bahasa Inggeris.

Selain itu, akhbar itu telah mempersoalkan penggunaan iklan bahasa Inggeris dan mahukan ianya dihentikan.

Isu itu telah dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO Sabtu lepas, dan di akhir mesyuarat itu, tiga naib presiden parti itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Seri Sanusi Junid dan Datuk Seri Rafidah Aziz meminta Utusan Malaysia memohon maaf kepada Perdana Menteri di atas kesilapan itu.

Dalam keluarannya hari ini, Utusan Malaysia telah meminta maaf kepada Perdana Menteri di muka depannya, sambil mengaku pemberitanya telah membuat kesilapan manakala dalam ruangan lidah pengarangnya, akhbar itu berkata usaha mereka untuk menghentikan iklan berbahasa Inggeris telah terlanjur dan mengharapkan isu tersebut tidak lagi dipolitikkan. -- Bernama

▼06/10/19-02MST